

PERATURAN GOLF

1. UNDA NG-UNDANG

- 1.1 Pertandingan ini akan mengikut undang-undang "The Rules of Golf and the Rules of Amateur Status 2012 -2015" dan "Local Rules" di tempat kejohanan diadakan.
- 1.2 Susunan peserta dan giliran pertandingan akan ditetapkan oleh JK Pengelola.
- 1.3 Peserta mesti melapor diri kepada Pegawai Pelepas (Starter) 10 minit sebelum "Tee-Off".
- 1.4 Peserta yang lewat akan didenda 2 pukulan (stroke).
- 1.5 Peralatan tambahan mengukur jarak (GPS) adalah dilarang penggunaannya. Peserta akan dibatalkan penyertaan (DQ) jika didapati terbukti penggunaanya.
- 1.6 Jawatankuasa Pengelola berhak memotong Handikep peserta sekiranya pemain bermain dengan cemerlang berdasarkan Jadual Pemotongan Handikep oleh USGA Handicap System. Jadual akan diedar semasa mesyuarat Pengurus Pasukan.
- 1.7 Sebarang bantahan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa / Pengerusi Teknik Kejohanan tidak lewat 30 minit selepas tamat pertandingan bersama bayaran **RM300.00** tunai. Wang bantahan tidak akan dikembalikan jika keputusan bantahan tidak berjaya.
- 1.8 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad.

2. JAWATANKUASA PENGELOLA

- 2.1 Menetapkan tempat, tarikh, dan masa pertandingan.
- 2.2 Menetapkan peraturan pertandingan.
- 2.3 Kuasa menukar format dan acara pertandingan.
- 2.4 Menentukan jenis dan bilangan hadiah.
- 2.5 Segala keputusan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengelola berkaitan dengan semua aspek ini adalah muktamad.

3. PENYERTAAN PESERTA

- 3.1 Kelayakan peserta adalah mengikut Peraturan Am MSKPPM. Bagi Pasuksn Golf terdiri dari 1 Pengurus, 1 Jurulatih / Pengerusi Teknik Golf MSKPP, 4 pemain Gross dan 4 pemain Nett.
- 3.2 Tetamu-tetamu khas yang dijemput oleh Jawatankuasa Pengelola.

- 3.3 Bagi peserta Kategori Nett penggunaan kad handikep yang dikeluarkan oleh Persatuan Golf Malaysia atau MGA sahaja diguna-pakai untuk kelayakan bermain. Handikep terkini akan diambil bagi tempoh 3 bulan terakhir semasa kejohanan. Handikep sebenar akan ditentukan melalui „conversion”USGA Handikep Index ke Indeks tempat kejohanan. Kelayakan handikep maksima ialah 24 (USGA). Bagi pertandingan Golf MSKPPJ maksima handikep ialah 16, dimana pemain yang melebihi handikep 16 akan dikira bemain pada handikep 16.
- 3.4 Peserta yang tidak mempunyai kad handikep MGA dikira sebagai pemain gross.
- 3.5 Pengurus Pasukan dikehendaki menyediakan bukti handikep kad peserta nett semasa pendaftaran atau sebelum pertandingan dimulakan.
- 3.6 Peserta yang mewakili negara tidak layak menyertai pertandingan ini.
- 3.7 Jawatankuasa Pengelola berhak menuntut bukti handikap terakhir daripada mana-mana peserta atau ketua pasukan berkenaan sebelum keputusan diumumkan.

4 BILANGAN PESERTA

- 4.6 Pertandingan dijalankan untuk pasukan lelaki sahaja.
- 4.7 Setiap persatuan yang bergabung dengan MSKPPJ dibenarkan menghantar lapan (8) peserta yang terdiri daripada:
 - 4.2.1 1 pasukan gross (4 orang lelaki)
 - 4.2.2 1 pasukan nett (4 orang lelaki)
- 4.3 Penyertaan peserta juga akan dikira sebagai penyertaan pertandingan kategori individu gross dan individu nett.
- 4.4 Permohonan pertukaran peserta boleh dibuat semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan dengan kelulusan Jawatankuasa Pengelola.

5. CORAK PERTANDINGAN

- 5.1 Pertandingan akan dijalakan secara "Stroke Play" – 2 x 18 lubang (2 hari berturut-turut).

5.2 Acara Berpasukan.

- 5.2.1 Acara kategori Gross, keputusan skor 3 pemain terbaik setiap hari akan dikira. Jumlah keseluruhan skor untuk 2 hari yang terbaik akan dikira untuk setiap pasukan.
- 5.2.2 Acara kategori Nett, keputusan skor 3 pemain terbaik setiap hari akan dikira. Jumlah skor nett untuk hari yang terbaik akan dikira untuk setiap pasukan.
- 5.2.2 Kedudukan pencapaian setiap pasukan akan ditentukan melalui skor terbaik keseluruhan.
- 5.2.3 Penyertaan Pasukan yang kurang dari 3 pemain atau berlaku DQ atau pembatalan pemain (bagi pasukan yang mempunyai 3 pemain), acara berpasukan secara automatik akan terbatal.
- 5.2.4 Jika berlaku seri, penentuan akan dibuat mengikut pengiraan kebelakang (OCB) kiraan hari kedua pertandingan. Dikira dengan jumlah ketiga-tiga pemain, jika seri juga, jumlah ketiga-ketiga 9 lubang terakhir atau 2nd nine dan kemudian jumlah ketiga-tiga 9 lubang pertama atau 1st nine. Jika seri juga, keputusan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Khas yang terdiri dari Pengurus Kejohanan, Ketua Refri dan 3 wakil negeri yang tidak terlibat terdiri dari Pengurus Pasukan atau wakilnya. Keputusan adalah muktamad.

5.3 Acara Individu.

- 5.3.1 Acara individu Gross atau Nett berdasarkan keputusan jumlah skor 2 hari terbaik.
5.3.2 Jika berlaku seri, penentuan akan dibuat mengikut pengiraan kebelakang (OCB) kiraan hari kedua pertandingan.

5.4 Acara VIP dan Jemputan.

- 5.4.1 Pertandingan bagi acara VIP dan Jemputan akan ditetapkan oleh JK Pengelola dan dimaklumkan secepat mungkin kepada Pengurus Pasukan.

6. ACARA PERTANDINGAN

Acara	Kategori	Bilangan Hadiah
A	Perseorangan Lelaki Gross	12
B	Perseorangan Lelaki Nett	12
C	Berpasukan Lelaki Gross	4
D	Berpasukan Lelaki Nett	4
E	VIP	Akan ditentukan kelak
F	Jemputan	
G	Piala Juara Keseluruhan	1

7. KEPUTUSAN KEDUDUKAN PASUKAN

- 7.1 Penentuan Johan, Naib Johan, Tempat Ketiga dan Keempat untuk Keseluruhan akan ditentukan melalui jumlah kedudukan mata yang diperolehi setiap pasukan bagi acara berpasukan gross dan berpasukan nett. Kategori individu tidak diambil kira.
- 7.2 Jika berlaku kedudukan mata seri, penentuan akan dibuat dengan merujuk pencapaian kedudukan Pasukan Gross terbaik. Keputusan adalah muktamad.
- 7.3 Bagi setiap kategori berpasukan, pemberian mata akan diberi mengikut pencapaian setiap kategori pasukan.
- 7.4 Pemberian mata yang diberi mengikut pencapaian dalam sesuatu kategori permainan oleh pasukan adalah seperti berikut:
- | | | |
|------------|---|--------|
| Johan | - | 5 mata |
| Naib Johan | - | 3 mata |
| Ketiga | - | 2 mata |
| Keempat | - | 1 mata |

8. BAYARAN

- 8.1 Pemain kategori Gross dan Nett dikenakan bayaran penyertaan sebanyak RM250.00 seorang untuk 2 hari.
- 8.2 Pemain Jemputan(Jika ada) dikenakan bayaran RM250.00 seorang untuk 2 hari.
- 8.3 Pemain VVIP/VIP(Jika ada) akan dikenakan RM150.00 seorang untuk 1 hari.
- 8.4 Bayaran pemain hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya semasa mesyuarat Pengurus Pasukan.

11. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN.

Bagi perkara-perkara yang tidak dibekalkan/dinyatakan dalam Undang-Undang dan Peraturan Am MSKPP Malaysia, Jawatankuasa Pengelola adalah berhak membuat keputusan dan segala keputusannya adalah muktamad.